



Ciri-ciri Sistem Demokrasi di Athens



Keanggotaan Dewan Perhimpunan

Terdiri daripada warganegara lelaki Athens.	1
Memegang jawatan selama enam bulan hingga setahun .	2
Semua warganegara dibenarkan menghadiri perhimpunan .	3
Bersidang sekurang-kurangnya tiga kali dalam sebulan .	4
Boleh mengemukakan pandangan tentang dasar pentadbiran .	5



Fungsi Dewan Perhimpunan

- Melantik Ahli Majlis.
- Mahkamah orang awam.
- Menggubal undang-undang.
- Menerima duta dari negara asing.
- Mengeluarkan deklarasi peperangan.
- Menjalin perjanjian dengan negara lain.
- Membincangkan hal kewangan dan percukaian.

Majlis

- Majlis merupakan jawatankuasa yang mengendalikan urusan dan perbincangan tentang pemerintahan dan pentadbiran. Dikenali juga sebagai **Majlis 500**.
- **Keanggotaan Majlis:**
 - ▶ Dilantik oleh Dewan Perhimpunan.
 - ▶ Keahlian selama **dua tahun**.
 - ▶ Terdiri daripada 500 orang.
 - ▶ Dipecahkan kepada **10 jawatankuasa (Prytany)** yang setiap satunya dianggotai oleh 50 orang.
 - ▶ **Pengerusi** akan dipilih setiap kali persidangan diadakan.
- **Fungsi Majlis:**
 - ▶ Melaksanakan keputusan Dewan Perhimpunan.
 - ▶ Bertanggungjawab mengendalikan jabatan-jabatan kerajaan.
 - ▶ Kuasa Majlis tidak boleh mengatasi kuasa Dewan Perhimpunan.

Majistret

- Majistret merupakan badan yang **melaksanakan dasar** yang telah ditetapkan. Fungsinya sama seperti **perkhidmatan awam** pada masa kini.
- **Keanggotaan Majistret:**
 - ▶ Terdiri daripada warganegara Athens.
 - ▶ Dianggotai oleh 6 000 orang ahli.
 - ▶ 200 — 500 orang merupakan hakim.
 - ▶ 10 orang Jeneral tentera merupakan ahli.
- **Fungsi Majistret:**
 - ▶ Merupakan kakitangan kerajaan.
 - ▶ Melaksanakan dasar yang diputuskan oleh Majlis.
 - ▶ Mengurus hal pendidikan, percukaian, dan sebagainya.

Juri

- Merupakan badan yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan dengan **keadilan**.
- Dianggotai oleh 101 — 1001 orang berdasarkan **tahap serius kes** yang dibicarakan.
- Perbicaraan akan diketuai oleh Pengerusi.
- Juri menjadi **pemutus** kepada sesuatu kes.
- Pesalah akan merayu terus kepada warganegara.
- Kuasa pengadilan terletak pada warganegara Athens.
- Kes-kes kecil diselesaikan di **mahkamah tempatan** dan kes besar diselesaikan di **Mahkamah Athens**.

